



No. Ruj. : JPA.500-4/15/1 JLD. ²⁰~~79~~ (12)
Tarikh : 24 Mac 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENGGUNAAN AKAUN BANK BAKAL PESARA/ PENERIMA PENCEN
TERBITAN BAGI TUJUAN PEMBAYARAN PENCEN**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, pembayaran faedah persaraan seperti pencen, ganjaran dan gantian cuti rehat (GCR) kepada pesara dan penerima pencen akan dikredit terus ke akaun bank masing-masing. Akaun bank tersebut hendaklah merupakan akaun simpanan/ semasa/ GIRO/ Islamik **perseorangan** daripada tiga belas (13) bank yang telah disenaraikan bagi urusan pembayaran pencen.

3. Untuk makluman, **bank-bank yang terlibat** dalam pembayaran pencen adalah seperti berikut:

- 3.1 Bank Muamalat (M) Berhad;
- 3.2 Malayan Banking Berhad (Maybank);
- 3.3 Bank Simpanan Nasional;
- 3.4 Affin Bank Berhad;
- 3.5 CIMB Bank Berhad;
- 3.6 Bank Islam Malaysia Berhad;
- 3.7 Public Bank Berhad;

- 3.8 Alliance Bank Berhad;
- 3.9 RHB Bank Berhad;
- 3.10 HSBC Bank Malaysia Berhad;
- 3.11 Bank Kerjasama Rakyat (Malaysia) Berhad;
- 3.12 Hong Leong Bank Berhad; dan
- 3.13 Agro Bank Berhad.

4. Walau bagaimanapun, melalui pemerhatian Jabatan ini didapati masih terdapat akaun pesara/ penerima pencen terbitan yang dikemukakan berstatus tidak aktif dan bank yang digunakan bukan dalam senarai bank untuk sistem pembayaran pencen. Sehubungan itu, bagi memastikan proses pembayaran pencen berjalan lancar, semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi adalah dimohon untuk mengingatkan bakal pesara/ penerima pencen terbitan supaya mematuhi keperluan berikut:


- 4.1 mengemukakan akaun yang aktif daripada senarai bank seperti di perenggan 3 di atas; dan
- 4.2 mengisi maklumat akaun bank tersebut di dalam Modul Penamatan Perkhidmatan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

5. Perhatian dan kerjasama dari pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berkenaan hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”
“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SHAIFUL BIN IBRAHIM)
Pengarah
Bahagian Pasca Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
MALAYSIA